

PSM parti angkuh – tidak mahu runding?

Menjelang semakin dekat dengan PRU, maka serangan-serangan keatas PSM semakin membina. Walaupun PSM hanya bertanding kurang daripada 3% kerusi diseluruh Negara berbanding dengan Parti PAS ataupun Parti PRM yang bertanding jauh lebih banyak kerusi.

Namun tuduhan keatas PSM adalah PSM terlalu angkuh, PSM tidak flexible, keras kepala, meletakkan syarat yang terlalu ketat, tidak mahu berunding dengan PH, mahu memecahkan undi, makan dedak BN dan sebagainya.

Kebanyakan mereka yang serang PSM adalah penyokong tegar PH, mereka yang tidak banyak mengetahui tentang PSM atau golongan yang hanya mahu melihat BN jatuh dan sesiapa sahaja yang tidak setuju dengan mereka, maka mereka akan dilabel sebagai musuh yang perlu dimusnahkan,

Satu tuduhan adalah PSM tidak mahu berunding dan terlalu sombong dan angkuh. Kami ingin meletakkan fakta-fakta dibawah kerana sudah tiba masanya kita membiarkan fakta bercakap kerana serangan keatas PSM terlalu tidak adil dan berniat jahat.

PSM bertanding tiga PRU iaitu pada tahun 1999, 2004 dan 2008 dengan meminjam logo parti lain. Anda boleh membaca sejarah PSM pinjam logo parti lain dibawah link <http://www.themalaysiantimes.com.my/sejarah-psm-pinjam-logo-parti-lain-dalam-pilihanraya/>

Selepas PSM didaftarkan pada tahun 2008, maka dibawah adalah kronologi rundingan kerusi PSM dengan parti Pakatan

16-8-2010 – PSM mengambil inisiatif untuk menulis surat kepada Anwar Ibrahim untuk berbincang kerjasama Pakatan Rakyat(PR) and PSM. Tiada respon

18-3- 2011 - PSM sekali lagi mengambil inisiatif untuk menulis surat kepada semua tiga parti dalam PR tetapi tiada maklumbalas

14-6-2011 – Selepas tiga bulan dan tanpa sebarang respon, maka kami menulis satu lagi surat peringatan. Semua surat dihantar melalui tangan pula

22 -12- 2011– Menulis satu lagi surat kepada Saifuddin Nasution, Mustafa Ali and Lim Guag Eng. Sekali lagi meminta kerjasama dan sekali lagi tiada respon

11-5- 2012 – Memandangkan dalam PRU ke 12- 2008, PSM guna simbol kunci di Jelapang melawan DAP. Calon DAP menang tetapi selepas itu calon tersebut bersama dua orang calon PKR lompat parti ke BN menyebabkan kerajaan PR di Perak jatuh. Maka PSM merasakan jika pada tahun 2008, PSM bertanding kerusi itu, maka kerusi itu akan selamat dan menulis surat kepada Ngeh (DAP), Nizar (PAS) dan Nur Manuty dan Lee Boon Chye(PKR) untuk berbincang mengenai kerusi Jelapang.

20/26-6-2012 – PSM menghantar keratan akhbar kepada Anwar Ibrahim dan Guan Eng untuk menunjukkan aktiviti yang dilakukan oleh PSM Jelapang

13-9-2012 Pada bulan September, kami mendapat khabar bahawa PR Perak ambil keputusan untuk memulau semua aktiviti PSM kerana PSM nak tanding guna logo sendiri. Maka kami menulis satu surat untuk mesyuarat untuk membincangkan perkara ini. Tiada maklumbalas

Pada hari yang sama, PSM sekali lagi menulis surat kepada Anwar Ibrahim, Karpal, Guan Eng, Haji Hadi, Mustafa Ali, Wan Azizah dan Saifuddin Nasution. Dalam surat ini, kami bersetuju untuk sertai PR tetapi meminta kepastian isu yang berlaku kepada Syed Husin Ali – Timbalan Presiden PKR dalam PRU 2004 kerana beliau Sosialis tidak akan berulang setelah kami menyertai. Kami juga hanya meminta untuk tanding 1 daripada 222 Kerusi Parlimen, satu daripada 59 kerusi DUN di Perak dan 2 daripada 56 kerusi DUN di Selangor. Permintaan kami begitu

19-9-2012 – Kami sekali hantar email kepada DS Anwar Ibrahim mengenai perkara diatas

28-9-2012- Kami sekali lagi menulis surat rasmi dan menghantar melalui tangan kepada kesemua kepimpinan PR. Hanya DS Anwar Ibrahim membalas email mengatakan Azmin Ali akan mengadakan rundingan terus dengan kami mengenai kerusi-kerusi di Negeri Selangor.

8-11-2012 – Akhirnya Azmin bersama Tian Chua dan Lee Boon Chye berjumpa dengan kami di Tingkat 14, Parliamen. Dr. Jeyakumar dan Selvam mewakili PSM. Azmin berkata PSM mempunyai banyak calon berkualiti dan boleh meletakkan lebih calon tetapi dengan menggunakan logo PKR. Tian Chua pula berkata PSM tidak sepatutnya menyertai PR sebelum PRU kerana boleh menimbulkan beberapa kekeliruan.

7-1-2013 – Maka kami menulis satu lagi email kepada Anwar Ibrahim meminta penjelasan samada pandangan Tian adalah pandangan peribadi atau posisi PR memandangkan PR berdolak dalil dan tidak menunjukkan sebarang minat untuk berdialog. Jika mereka sudah putuskan tidak mahu terima kami sebelum PRU, sepatutnya ini dimaklumkan kepada kami.

12-1-2013 Hari Kebangkitan Rakyat di Stadium Merdeka dianjurkan oleh PR. PSM turut memobilisasi ahli untuk program ini tetapi Dr Jeyakumar wakil PSM tidak dibenarkan bercakap sebagai wakil PSM dan hanya diperkenalkan sebagai wakil NGO. Ini adalah syarat jika PSM hendak diberikan ucapan.

13-1-2013 PSM mengadakan Kongres Khas (SPD) dimana ambil keputusan untuk sertai PR dan hasrat ini akan diumumkan kepada umum kerana pada masa itu ada persepsi bahawa PSM yang tidak mahu menyertai PR, kami angkuh dan sebagainya

29-1-2013 Akhirnya setelah lebih 2 tahun, akhirnya satu mesyuarat diadakan dengan kepimpinan Pakatan Rakyat dimana mesyuarat dihadiri oleh Mat Sabu (PAS), Tony Phua (DAP), Dr.Fuziah and Nurul Izzah(PKR). maklumbalas mesyuarat tersebut adalah

Sabu : Jika PAS boleh bekerjasama dengan DAP, maka tiada masalah untuk PAS bekerjasama dengan PSM. PSM boleh sertai PR dan boleh gunakan logo sendiri.

Tony Phua : DAP berkata mereka tiada masalah PSM gunakan logo sendiri termasuk menyertai PR. Mereka hanya minta jangan tanding di Jelapang.

Izzah : PKR berkata persoalan menyertai PR dan gunakan logo harus diputuskan oleh Lembaga Presiden (Presidential Council) dan bukan oleh mereka. Maka sekali lagi tiada keputusan dan terpaksa tunggu

22-3-2013 Kami menulis surat kepada kepimpinan PR. Tiada respon

27-3-2013 Kami sekali lagi menulis kepada Anwar, Karpal, Guan Eng, Haji Hadi, Mustafa Ali, Wan Azizah ertanya apa yang boleh kita buat dan juga beri cadangan untuk kerusi Jelapang untuk melantik satu JK Bebas terdiri dari NGO untuk putuskan calon terbaik untuk tanding. Kami juga mengatakan bahawa kami akan undi bersama PKR kerana PKR mengatakan kami terpaksa guna logo PKR kerana mereka akan kurang undi dalam mendapat kerusi MB.

2-4-2013 DAP anjur ceramah hadapan pejabat PSM Sungai Siput tetapi tidak mahu jemput PSM Mengenai kerusi Jelapang, PSM berjumpa Haris Ibrahim, Toh Kin Voon, Ambiga and Jayanath untuk tubuhkan satu Jawatankuasa untuk cari penyelesaian calon untuk Jelapang dan kami akan akur dengan keputusan itu

3-4-2013 Parlimen dibubarkan

4-4-2013 Terdesak, Dr Jeyakumar hantar pesanan text kepada Azmin, Fuziah, Nurul Izzah, Syed Husin, Ban Chen, Sivarasa, Yusmadi. Gwo Burne, Johari dan Tian Chua kerana tiada maklumbalas.

6-4-2013 Kami mengadakan perjumpaan dengan Xavier(PKR) dan Ambiga. Xavier berkata kami kena tanding logo PKR dan kalau tidak PKR akan juga tanding. Apabila kami mempersoalkan tiga penjuror akan memberikan kemenangan kepada BN, Xavier berkata mereka tidak risau kerana tanpa PSM pun, mereka ada majoriti.

13-4-2013 PSM akhirnya dapat bertemu dan berbincang dengan Anwar Ibrahim -Ketua Umum dan PR. Perjumpaan berlangsung di Ibupejabat PKR dihadiri Anwar Ibrahim, Tian Chua dan Xavier Jayakumar yang mewakili PKR, sementara PSM diwakili oleh Dr. Nasir Hashim, Dr. Jeyakumar Devaraj dan S.Arutchelvan.

Dalam mesyuarat tersebut, Anwar Ibrahim meminta PSM menggunakan logo PKR. PSM menyatakan hasratnya bahawa hanya akan bertanding dalam 4 kerusi yang ditandingi sebelum itu. Namun, Anwar berkata bahawa beliau hanya boleh memberi kepastian untuk 3 kerusi di bawah kuota PKR dan menyuruh PSM berbincang dengan DAP tentang kerusi DUN Jelapang. Anwar meminta bahawa PSM menggunakan logo PKR hanya untuk pilihanraya, dan PSM boleh menggunakan logo sendiri secara ebasnya selepas pilihanraya. Anwar menjelaskan bahawa logo PKR hanya perlu ada dalam kertas undi, dan PSM boleh terus mengibarkan bendera di kawasan

yang ditandingi PSM. Sekiranya PSM menang lagi, wakil PSM boleh angkat sumpah sebagai PSM bukannya PKR. PSM telah meminta tempoh masa 3 hari untuk memberi maklum balas kerana PSM perlu berbincang dengan ahli- ahlinya. Anwar juga meminta Xavier supaya dua kerusi Selangor Kota Damansara dan Semenyih ini tidak diumumkan semasa program pengumuman kerusi PKR pada keesokan.

14-4-2013 PKR umumkan calon PKR untuk Semenyih walaupun Anwar meminta jangan umumkan.

15-4-2013 Mesyuarat Kongres Nasional khas PSM dihadiri perwakilan dari semua cawangan parti. Ahli-ahli PSM telah memutuskan dalam mesyuarat tersebut bahawa boleh menggunakan logo PKR.

Nota : Sejak itu banyak pihak telah meminta PKR untuk memberikan kerusi Semenyih kepada PSM seperti Dato Ambiga dan lain-lain tetapi tidak dilayan oleh Azmin Ali. Anwar Ibrahim akhirnya mengaku bahawa keputusan Selangor adalah dibawah Azmin. Beliau pun akhirnya setuju PSM tanding logo PSM tetapi supaya semasa kempen PRU kita saling tidak serang menyerang.

20-4-2013 Hari penamaan calon. PSM dikejutkan bahawa kerusi Kota Damansara dimana PSM guna logo PKR tetapi dilawan oleh parti PR – PAS,

5-5-2013 Pilihanraya ke 13. 3 daripada 4 kerusi yang ditanding PSM adalah tiga penjujur melawan parti komponen PR. Hanya Sungai Siput ada satu lawan satu dan PSM menang.

6-6-2013 Hantar surat dukacita kepada PKR dan PAS kerana tiga penjujur semasa PRU 13.

1-8-2013 Surat pertama diterima PSM dari Sekretariat Pakatan Rakyat dimana dikatakan permohonan PSM dalam proses dan bertanya samada PSM setuju dengan Pendirian bersama PR.

8-8-2013 PSM balas surat dan berkata PSM setuju dengan Pendirian Bersama dan Buku Jingga dan berkata ia dimasukkan dalam manifesto PSM

Nota – Selepas itu langsung tiada maklumbalas. PR pun hancur setelah bermulanya satu demi satu krisis bermula dari langkah Kajang.

22-9 -2015 Pakatan Harapan dibentuk oleh PKR, DAP dan AMANAH. Bila Ambiga dan Maria Chin bertanya mengapa PSM tidak dijemput sertai, maka alasan yang diberikan adalah PSM tidak setuju dengan 153 iaitu satu kenyataan yang palsu dan berniat jahat. Selepas itu Tian Chua meminta maaf dan Wan Azizah hantar sms kepada Arul menjelaskan beliau dimisinform.

Justeru PSM berpendirian, isu bahawa PSM kena ambil inisiatif untuk bincang dengan PH semua hanyalah propaganda kosong dimana tidak ada keikhlasan. PSM pun sudah bosan dengan

permainan ini dan apabila DAP dan PAS berpecah, maka hampir semua kerusi sudah ditiga penjurukan. Maka PSM bertanding di tempat yang kami mampu dan buat kerja. Kami harap rakyat akan faham mengapa PSM mengambil keputusan sedemikian. Walaupun PSM mempunyai idelogi dan pendirian sendiri sebagaimana parti PAS dan DAP, namun kita dari dulu memang setuju untuk kerjasama politik atau program bersama untuk menumbangkan BN. Harap kornologi ini sedikit sebanyak memberikan pencerahan dan memberikan jawapan kepada mereka yang anggap kami angkuh. Dalam satu mesyuarat yang diadakan dengan NGO baru-baru ini, kami diminta untuk men dedahkan kornologi ini supaya rakyat dapat menilai.